

30 OCT 2003

Mahathir-Yahudi/I

YAHUDI DIMINTA JANGAN ANIAYAI ORANG LAIN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Sehari sebelum persaraannya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kaum Yahudi agar tidak menganiayai orang lain seperti mana yang pernah mereka lalui.

Beliau berkata walaupun kaum Yahudi telah menempuh sengsara yang dahsyat, mereka perlu menginsafi betapa semasa mereka dizalimi oleh bangsa Eropah, negara-negara Islam yang menjadi tempat perlindungan mereka.

Katanya, orang Yahudi perlu ingat betapa umat Islam yang menghulurkan bantuan semasa mereka semasa dizalimi orang Eropah dan mereka juga tidak harus terus menganggap sebagai bangsa terpilih dan tidak boleh dikritik.

"Orang Islam tidak pernah menzalimi kaum Yahudi, tetapi mereka kini bersikap seperti mana bangsa Eropah yang menzalimi mereka, kali ini terhadap umat Islam," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno buat kali terakhir selaku presiden parti di ibu pejabat Umno di sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya sama ada beliau ingin memberikan ulasan terakhir sebagai susulan kepada ucapannya yang menyentuh tentang kaum Yahudi dalam Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (LOIC) ke-10 di Putrajaya, dua minggu lepas.

Kenyataannya dalam persidangan itu tentang Yahudi "menguasai dunia melalui proksi" telah disalahtafsir oleh media Barat dan mengundang kritikan daripada pemimpin-pemimpin Barat dan Eropah.

Dr Mahathir berkata: "Kita bersimpati dengan mereka (Yahudi). Kita sedih melihat betapa mereka dizalimi oleh bangsa Eropah.

"Tetapi mereka perlu ingat semasa mereka dizalimi bangsa Eropah, mereka lari ke negara-negara Islam seperti Maghribi, Algeria, Tunisia dan juga Mesir," katanya mengulangi perspektif sejarah.

Perdana Menteri berkata: "Kita (umat Islam) tidak berbuat sebarang kesalahan. Mereka (orang Yahudi) yang merampas tanah milik umat Islam."

Beliau berkata jika sebahagian daripada British dan Amerika diambil dan diberikan kepada Yahudi sebagai negara Israel, orang British dan Amerika tentunya tidak akan berdiam diri dan mengatakan semuanya baik dan menyambut kedatangan mereka.

"Adakah anda fikir orang Palestin dapat menerima apabila dihalau dari tanah air sendiri dan negara sendiri dirampas dan diberikan kepada orang Yahudi?" tanyanya.

Menurut beliau, isu yang timbul tidak ada kena mengena dengan agama tetapi melibatkan wilayah.

Dr Mahathir berkata: "Anda merampas tanah orang lain dan sudah tentu kami akan memperjuangkannya."

Beliau berkata: "Apabila tanah kaum asli 'Red Indians' dirampas dan mereka dibunuh atau tanah orang Aborigines (Australia) dirampas dan mereka disisihkan, mereka tidak dapat berlawan,"

"Tetapi bagi mereka yang boleh melawan, mereka akan bangun menentang," tambahnya.

-- BERNAMA

HK MAM AZZ MOZ